

RASUAH SUBUR DI DUNIA KAPITALISME

....Pada dasarnya, seorang bapa berkewajiban menafkahi mereka yang berada di bawah tanggungjawabnya, termasuk isteri dan anak-anak. Ini didasarkan kepada firman Allah swt, antara lain: *“Dan kewajiban ayah memberikan makanan dan pakaian kepada ibu dengan cara yang ma’ruf. Seseorang tidak akan dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya.”* [TMQ al-Baqarah [2]: 233]. Di dalam sunnah juga dituturkan mengenai kewajiban seorang ayah untuk menafkahi isteri dan anak-anaknya. Diantaranya, Rasulullah saw bersabda: *“Ketahuilah bahwa, hak mereka atas kalian adalah supaya kalian berbuat baik kepada mereka dalam hal memberikan pakaian dan makanannya.”* [HR. Tirmidzi].

Namun demikian, nafkah yang diberikan haruslah yang halal; yakni nafkah yang diperoleh dari jalan yang sesuai dengan tuntunan Allah swt. Allah swt telah berfirman: *“Maka makanlah yang halal lagi baik dari rezeki yang telah diberikan Allah kepadamu; dan syukurilah ni’mat Allah jika kamu hanya kepada-Nya saja menyembah.”* [TMQ al-Nahl [16]: 114]. **Imam al-Baghawi**, dalam tafsir *al-Baghawiy*, menyatakan, *“Menurut ‘Abdullah ibn al-Mubarak, yang dimaksud halal adalah semua rezeki yang diperoleh berdasarkan tuntunan Allah SWT.”* [al-Baghawi, Tafsir al-Baghawiy, juz 2, ms. 59; lihat juga Imam asy-Syaukani, *Fath al-Qadir*, juz 2, ms. 70]. **Imam Muslim** pula meriwayatkan sebuah hadis dari Abu Hurairah, bahawasanya Rasulullah saw bersabda: *“Wahai manusia, sesungguhnya Allah tidak akan menerima sesuatu kecuali yang baik (thayyib), dan sesungguhnya Allah memerintahkan kaum mukmin sebagaimana halnya Ia memerintah para Rasul. Kemudian, Dia berfirman, ‘Wahai para Rasul, makanlah dari rezeki yang baik-baik, dan berbuat baiklah kalian. Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang engkau ketahui.’ Selanjutnya, beliau bercerita tentang seorang laki-laki yang berada di dalam perjalanan yang sangat panjang, hingga pakaiannya lusuh dan berdebu. Laki-laki itu lantas mengangkat kedua tangannya ke langit dan berdoa, ‘Ya Tuhanku, Ya Tuhanku...’, sementara itu makanan yang dimakannya adalah haram, minuman yang diminumnya adalah haram, dan pakaian yang dikenakannya adalah haram; dan ia diberi makanan dengan makanan-makanan yang haram. Lantas, bagaimana mungkin doanya dikabulkan?”* (HR. Muslim).

Bicara SN melihat di dalam jawaban Dr. Mashitah, kesalahan dalam memahami erti darurat. Sekiranya

dikaji definisi darurat dari pandangan empat mazhab utama, pengertiannya menjurus kepada perkara yang sama iaitu keadaan terpaksa yang dikhawatirkan dapat menimbulkan kematian, atau mendekati kematian. Dengan kata lain, semuanya mengarah kepada tujuan pemeliharaan jiwa (*hifz an-nafs*). Definisi darurat haruslah dikembalikan pada nash-nash yang menjadi sumber pembahasan darurat. Ini adalah kerana istilah darurat memanglah disandarkan kepada beberapa ayat al-Qur’an, seperti dalam surah al-Baqarah [2]: 173; al-Ma’idah [5]: 3; al-An’am [6]: 119; al-An’am [6]: 145; dan an-Nahl [16]: 115. Ayat-ayat ini menerangkan keadaan darurat kerana terancamnya jiwa jika tidak memakan yang haram, seperti bangkai dan daging babi. Oleh itu, kunci persoalannya bukanlah pada lengkap atau tidaknya definisi darurat, melainkan pada makna dalil-dalil syar’i yang mendasari definisi darurat itu sendiri. Berdasarkan ayat-ayat itulah, **Syeikh Taqiyuddin An-Nabhani** di dalam *Asy-Syakhsiyah Al-Islamiyyah* [As-Syakhsiah Al-Islamiyyah jilid III ms. 477] menyatakan, definisi darurat adalah keterpaksaan yang sangat mendesak yang dikhawatirkan akan dapat menimbulkan kebinasaan/kematian (*al-idhthirar al-mulji’ alladzi yukhsya minhu al-halak*). Inilah definisi darurat yang sah, iaitu keadaan terpaksa yang membolehkan yang haram, sebagaimana termaktub dalam kaedah yang masyhur: *al-dharurat tubiihu al-mahzhuurat* (Keadaan darurat membolehkan yang diharamkan). Definisi **Taqiyuddin An-Nabhani** ini hampir dengan definisi **Mustafa Az-Zarqa** dan lebih kurang sama maknanya dengan definisi keempat-empat ulama mazhab.

Dari definisi darurat yang rajih tersebut, kita dapat mengetahui cakupan darurat, iaitu keadaan terpaksa yang berkaitan dengan pemeliharaan jiwa (*hifz an-nafs*), seperti misalnya orang kelaparan yang terancam jiwanya yang tidak mendapatkan makanan selain daging babi atau bangkai. Atau seperti orang yang diancam akan dibunuh jika tidak mahu mengucapkan kata-kata kufur, asalkan hatinya tetap beriman. Adapun tujuan syariah lainnya, misalnya pemeliharaan harta (*hifz al-mal*), sebenarnya bukanlah termasuk di dalam cakupan darurat. Apatah lagi menghalalkan pencarian nafkah secara haram seperti pelacuran atas alasan tiada pekerjaan lain yang dapat diperolehi!!!! Apabila fatwa dikeluarkan berdasarkan pragmatisme dan sikap yang liberal tanpa disandarkan kepada nas-nas dengan pemahaman yang sah, inilah akibatnya....

[SN24565] Isu rasuah kini kembali bergolak dengan beberapa kes yang sedang hangat diperkatakan oleh semua pihak dengan timbulnya beberapa isu sama ada di dalam negeri mahupun di luar negara. Di Filipina sebagai contoh, desakan semakin kuat menuntut Presiden Gloria Macapagal Arroyo (GMA) meletak jawatan berhubung isu dakwaan menipu di dalam pilihanraya yang lepas. Seruan *“Cukuplah rasuah, GMA mesti undur”* tertulis pada salah satu sepanduk dalam tunjuk perasaan oleh kira-kira 5,000 orang di Manila [BH250605]. Di Indonesia, Said Agil Husin Al Munawar, yang pernah menjadi Menteri Hal Ehwal Agama di bawah kepimpinan Megawati Sukarnoputri ditahan kerana didakwa menyalahgunakan wang tabung haji berjumlah kira-kira 680 billion rupiah (RM266 juta) berikutan kempen Presiden Susilo Bambang Yudhoyono untuk menghapuskan rasuah [BH250605]. Di Thailand pengacara radio berpengaruh, Anchalee Paireerak yang telah membuat laporan mengenai rasuah yang berlaku di dalam kerajaan Thailand dilaporkan akan membatalkan program hariannya dan akan meninggalkan Thailand kerana dikatakan menerima ancaman daripada pihak berkuasa tempatan. Di Malaysia pula isu rasuah politik yang melibatkan penggantungan Tan Sri Isa Samad telah memenuhi ruangan berita utama untuk minggu ini.

Menurut laporan rasuah tahunan PERC (Political and Economic Risk Consultancy) di Asia yang diumumkan pada 9hb Mac 2005, Malaysia telah jatuh dua tangga dan kini berada di kedudukan ke-6 berbanding 10 tahun yang lepas, di mana Malaysia menduduki tempat ke-4. Secara umumnya, ini menunjukkan situasi rasuah dalam negara telah menjadi semakin buruk dan membimbangkan. Laporan rasuah Transparency International (TI) 2005 yang diumumkan baru-baru ini juga melaporkan bahawa Malaysia telah jatuh 16 tangga dalam tempoh 10 tahun ini dari tempat ke-23 pada tahun 1995 kepada tempat ke-39 pada tahun 2004 dalam kedudukan indeks persepsi rasuah antarabangsa. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah ada suatu penyakit yang merbahaya sedang melanda dunia umumnya dan umat Islam khususnya. Apakah punca dan penyelesaiannya? Sautun NahdhaH kali ini cuba mengulas isu ini bagi memberikan satu cetusan fikrah untuk dihayati oleh umat.

Faktor Yang Menyumbang Kepada Barah Rasuah

1. Faktor Individu:

Konsep dan pemahaman manusia tentang kebahagiaan mengalami pertembungan paradigma yang kemudiannya menentukan sikap seseorang manusia dalam menghadapi kehidupannya. Pertembungan ini bukanlah sesuatu yang alami, tetapi merupakan suatu perubahan yang terjadi akibat dari pertentangan ideologi yang dianut oleh sesuatu bangsa. Di Malaysia, sebagai contoh, penerapan sistem kapitalisme dipeluk erat oleh

sekelompok orang Islam secara membabi buta; masa yang sama mereka ‘lupa’ bahawa mereka seharusnya bertindak mengikut hukum Islam yang mereka anuti. Di dalam masyarakat yang menyunung tinggi materialisme, kebahagiaan diukur dari jumlah nilai kebendaan yang dapat dikumpulkan dan dimiliki. Dalam masyarakat seperti ini, segala sesuatu diukur dengan wang. Oleh itu, kebahagiaan, kehormatan, status sosial, intelektualisme, kesejahteraan, dan segala nilai kebaikan, diukur dengan nilai kebendaan (wang). Akibatnya segala cara dihalalkan untuk mendapatkan

...BICARA SN...

Didalam ruangan ‘Anda Musykil, Dr. Mashitah Jawab’ di Harian Metro, Datuk Dr. Mashitah Ibrahim, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri telah menjawab suatu soalan mengenai melacur diri kerana terdesak. Di dalam jawabannya, Dr. Mashitah mengatakan bahawa pelacuran yang dilakukan kerana terdesak adalah dimaafkan. Bicara SN kali ini ingin mengulas berkenaan jawaban tersebut yang dilihat terlalu LONGGAR di dalam isu pengambilan hukum dan boleh menimbulkan pelbagai masalah.

Merupakan prinsip dasar di dalam Islam, bahawa seseorang muslim wajib mengikat perbuatannya dengan hukum syara’, sebagai rentetan keimanannya kepada Allah SWT. Sabda Rasulullah saw, *“Tidak sempurna iman salah seorang dari kamu, sehingga hawa nafsunya mengikuti apa yang aku bawa (Islam).”* (HR. Al-Baghawi).....

.....lihat mukasurat 4 Bicara SN

wang sebanyak-banyaknya, tanpa mempedulikan apakah wang yang diperoleh itu adalah dengan cara yang halal atau haram.

Meluasnya fahaman materialisme ini juga mempengaruhi sifat individu masyarakat dan bukan hanya pegawai kerajaan. Mereka tidak lagi mempunyai rasa malu, bersalah sekaligus hilang kawalan diri, dalam menghadapi fenomena rasuah. Bahkan pada tahap tertentu, rasuah dipandang sebagai cara yang sah untuk mendapatkan rezeki, menjaga kestabilan masyarakat, serta alat untuk mendapatkan sokongan dan pengaruh politik. Gejala ini berlaku lebih-lebih lagi di dalam sebuah masyarakat yang individunya rata-rata berpendapatan rendah.

2. Faktor Sistem:

Sumbangan faktor individu dalam merebaknya gejala rasuah ini tidaklah berdiri dengan sendirinya. Hakikatnya, apabila kita memfokuskan perhatian kita kepada individu, pada dasarnya kita sedang berbicara tentang “buah” dari sebuah sistem. Sesebuah sistem merancang pembangunan peribadi individu masyarakatnya. Di dalam masyarakat kapitalis, yang menjunjung tinggi individualisme secara jelas, karakter peribadi individu masyarakatnya tidak dibangun dengan cara yang betul. Seluruh sistem kehidupannya seperti pendidikan, tata nilai (sosial, kemasyarakatan, keluarga), sistem ekonomi dan sistem sosial yang diterapkan secara sistematis akan membentuk individu yang mengagungkan kebebasan sebagai puncak kebahagiaan. Akibatnya lahirnya sebuah masyarakat yang individualistik sekaligus materialistik. Dalam masyarakat yang begitu mengagungkan materialisme, peningkatan gejala rasuah bukanlah sesuatu yang memmeranjatkan.

Sistem kapitalisme yang diterapkan ketika ini mengajarkan konsep pemisahan agama dari urusan kehidupan. Seseorang hanya boleh membawa agama di dalam kehidupan secara individu; sebaliknya, ketika mengatur urusan negara, agama diketepikan atau setakat dijadikan alasan bagi menjustifikasi sesuatu keputusan. Suasana keimanan diabaikan di dalam sistem kapitalisme. Bentuk hukuman yang lemah juga menjadi punca tidak berkesannya pembenterasan barah rasuah ini. Bentuk hukuman yang memilih-milih sering menjadi penghalang dari terbenterasnya “ikan jerung” dengan menjadikan “ikan bilis” sebagai kambing hitam. Sudah pasti pokok yang rosak akan mengeluarkan buah yang rosak, begitu jugalah dengan sistem yang rosak. Sistem yang rosak secara pasti akan menghasilkan berbagai-bagai penyakit yang akan merosakkan masyarakatnya – rasuah merupakan salah satu manifestasi kerosakan tersebut.

Pandangan Islam Terhadap Rasuah Dan Penyelesaiannya

Rasuah didefinisikan oleh para ulama fiqh sebagai semua harta/wang yang yang diberikan kepada seseorang pemerintah, hakim, atau pegawai kerajaan dengan maksud untuk memperolehi keputusan mengenai suatu kepentingan yang semestinya wajib diputuskan tanpa pembayaran dalam bentuk apapun. Pengharaman rasuah adalah jelas berdasarkan nash-nash Al-Qur’an dan Hadis. Allah swt berfirman: *“Dan janganlah ada diantara kalian yang memakan harta benda sebahagian yang lain dengan jalan yang batil, dan janganlah menggunakannya sebagai umpun (untuk menyuap) para hakim dengan maksud agar kalian dapat memakan harta orang lain dengan jalan dosa, padahal kalian mengetahui (hal itu)”* [TMQ Al Baqarah [2]: 188].

Abu Dawud meriwayatkan sebuah hadis dari Abu Hurairah ra. bahawasanya Rasulullah saw bersabda: *“Laknat Allah terhadap pemberi dan penerima rasuah di dalam kekuasaan”*

At Tirmidzi meriwayatkan sebuah hadis serupa berasal dari Abdullah bin ‘Amr, bahawasanya Rasulullah bersabda: *“Laknat Allah terhadap pemberi dan penerima rasuah”* Hadis lain mengenai ini juga diriwayatkan oleh Ahmad, Thabrani, Al-Bazar dan Al-Hakim, berasal dari Tsuban yang mengatakan: *“Rasulullah saw melaknati pemberi, penerima rasuah, dan orang yang menyaksikan rasuah.”* Abu Dawud juga meriwayatkan, Rasulullah saw bersabda: *“Barang siapa yang kami berikan tugas untuk melakukan suatu pekerjaan dan kepadanya telah kami beri rezeki (imbalan gaji), maka apa yang diambil olehnya selain itu adalah kecurangan.”* Adakalanya rasuah juga diberikan oleh seseorang dengan maksud agar pegawai yang berkenaan tidak menjalankan tugas yang menjadi kewajibannya sebagaimana semestinya. Rasuah seperti inilah yang sangat dihinakan oleh para sahabat Nabi saw, bahkan mereka menolaknya dengan tegas.

Sebuah riwayat yang berasal dari Sulaiman bin Yassar, mengatakan bahawa Rasulullah saw mengutus Abdullah bin Rawahah berangkat ke Khaibar (daerah Yahudi yang baru saja tunduk kepada kekuasaan Islam) untuk menilai hasil buah kurma di daerah itu kerana Rasulullah saw telah memutuskan bahawa hasil bumi Khaibar dibahagi dua; separuh untuk kaum Yahudi sendiri yang mengelolanya, dan yang separuh lagi diserahkan kepada kaum Muslimin. Ketika Abdullah bin Rawahah sedang menjalankan tugasnya, orang-orang Yahudi datang kepadanya membawa berbagai perhiasan yang mereka kumpulkan dari isteri mereka masing-masing. Kepada Abdullah mereka

berkata: *“Perhiasan ini untuk anda, ringankanlah kami dan berilah kepada kami lebih dari separuh,”* Abdulah menjawab, *“Hai kaum Yahudi, demi Allah, kalian memang manusia-manusia hamba Allah yang paling kubenci. Apa yang kalian lakukan ini justeru mendorong diriku merendahkan kalian. Rasuah yang kalian tawarkan itu adalah barang haram, dan kami kaum Muslimin tidak memakannya!”* Mendengar jawaban tersebut mereka menyahut, *“Kerana inilah langit dan bumi tetap tegak!”* [Imam Malik, Al Muwattha’:1450].

Ringkasnya, semua harta yang diperoleh melalui rasuah dipandang sebagai harta haram, bukan milik sesiapa pun, perlu disita dan diserahkan kepada Baitul Maaal, kerana harta yang demikian itu diperoleh dengan cara yang tidak sah. Penerimaannya, pemberinya dan perantarnya wajib dikenakan hukuman yang berat, kerana amalan rasuah sangat besar pengaruhnya terhadap struktur negara dan menghilangkan keyakinan rakyat kepada pemerintah.

Islam juga mengharamkan kekayaan gelap yang diperoleh secara tidak sah oleh pemerintah dan kakitangannya. Selain itu Islam juga melarang pemerintah dari menyentuh kekayaan milik umum dengan alasan dan cara apa sekalipun, baik alasan penafsiran maupun fatwa dari ulama maupun “aulia”. Sistem Islam juga melarang pegawai/kakitangan kerajaan menerima hadiah/hibah. Hadiah atau hibah adalah harta yang diberikan kepada pemerintah atau kakitangannya sebagai satu pemberian. Perbedaannya dengan rasuah adalah bahawa hadiah itu diberikan bukan sebagai balasan keatas sesuatu kepentingan, kerana si pemberi hadiah telah dipenuhi keinginannya, baik secara langsung maupun tidak. Hadiah atau hibah diberikan atas dasar tujuan tertentu, agar pada suatu ketika kelak ia akan dapat memperoleh kepentingannya dari penerima hadiah/hibah. Hadiah semacam ini diharamkan dalam Islam. Rasulullah saw bersabda: *“Hadiah yang diberikan kepada para penguasa adalah suht (haram) dan rasuah yang diterima hakim adalah kufur.”* (HR. Imam Ahmad).

Imam Bukhari meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda *“Amma ba’du, aku telah melantik beberapa orang diantara kalian untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan Allah swt kepadaku. Kemudian salah seorang dari mereka itu datang dan berkata; “ini kuserahkan kepada anda, sedangkan ini adalah hadiah yang diberikan orang kepadaku.” Jika apa yang dikatakannya itu benar, apakah tidak lebih baik kalau ia duduk sahaja di rumah ayah atau ibunya sampai hadiah itu datang*

kepadanya? Demi Allah, siapapun diantara kalian yang mengambil sesuatu dari zakat itu tanpa haq, maka pada hari kiamat kelak akan menghadap Allah swt sambil membawa apa yang diambilnya itu.”

Hadis diatas menunjukkan bahawa hadiah pada umumnya diberikan oleh seseorang kepada pegawai tertentu kerana jawatannya. Seandainya ia tidak menduduki jawatan itu, tentulah hadiah itu tidak akan datang kepadanya. Atas dasar hukum-hukum tersebut Islam mengubati barah rasuah ini dengan mewujudkan sistem pengawasan diri di kalangan para pegawai/pekerja. Ini didahului dengan sifat ketaqwaan. Pada hakikatnya seseorang yang benar-benar muslim tidak akan melakukan rasuah, tidak akan mahu memberikan rasuah, tidak akan mencuri, tidak akan berkhianat, tidak akan berbuat zalim dan tidak akan menipu; kerana mereka tahu bahawa Allah sentiasa mengawasi dirinya dan menuntut pertanggungjawaban keatas setiap kejahatan, yang kecil mahupun yang besar. Satu kenyataan yang tidak dapat diragukan lagi, jika seseorang pemerintah atau pegawai kerajaan yang tidak memiliki sifat taqwa kepada Allah swt serta tidak takut kepada pengawasanNya secara luaran dan dalaman, maka pemerintah atau kakitangan yang demikian pasti bersikap menindas rakyat dan bertindak dengan sewenang-wenang.

Khatimah

Sesungguhnya amalan rasuah akan terus subur di dalam sistem kapitalisme yang mengharamkan agama dibawa ke dalam kehidupan. Untuk merawat barah rasuah ini sudah semestinya kita wajib kembali kepada tatacara kehidupan Islam yang mengaitkan kehidupan bernegara dengan ajaran agama dalam bentuk perintah dan larangan Allah swt. Tatacara kehidupan Islam ini hendaklah dibangunkan di atas tiga asas yang utama:

- Ketaqwaan individu yang tinggi [TMQ 41:20, TMQ 41:22-23] - hanya akan wujud dengan sebenar-benarnya apabila sistem kehidupan itu sendiri mewujudkan nuansa ketaqwaan didalamnya melalui penerapan hukum Allah secara kaffah.
- Sistem kawalan masyarakat yang akan melakukan amar ma’ruf nahi mungkar kepada negara/pemerintah [TMQ 3:104]
- Negara yang konsisten dan tegas dalam menerapkan hukum Islam; mereka yang terlibat dengan rasuah dihukum dengan hukuman sewajarnya, berdasarkan hukum syara’. Ini hanya akan dapat dicapai melalui penegakkan Daulah Khilafah ‘ala Minhaj Nubuwwah yang akan menerapkan Islam sepenuhnya : Sabda Rasulullah saw.. *“jikalau sekiranya Fatimah binti Muhammad telah mencuri nescaya aku akan memotong tangannya...”*